

# S'pura diharap dapat bantu syarikat guna teknologi analitik

*Boleh dapatkan maklumat penting daripada sumber data amat luas bagi kenal pasti dan fahami trend pengguna*

Oleh ADLI YASHIR KUCHIT  
[adli@sph.com.sg](mailto:adli@sph.com.sg)

TIMBALAN Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean, semalam melahirkan harapan agar negara ini dapat memainkan peranan membantu syarikat-syarikat menggunakan teknologi analitik atau analisis perniagaan bagi meninjau tingkah laku sosial dan kelakuan pengguna di rantau ini.

Encik Teo berkata analitik memainkan peranan dalam mencungkil maklumat penting daripada sumber data yang amat luas dan membantu pertumbuhan perniagaan mengenal pasti dan memahami trend pengguna.

"Selanjutnya pertumbuhan boleh menggunakan maklumat ini untuk membuat keputusan yang lebih baik atau menghasilkan produk dan khidmat yang khusus diperlukan pengguna," ujar beliau.

Encik Teo berkata demikian ketika berucap di acara LiveAnalytics@SG yang menyaksikan pelancaran dua platform analitik oleh Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan firma telekomunikasi StarHub.

Encik Teo berkata Platform Inovasi Gaya Hidup Bandar LiveLabs yang dikendalikan SMU dan platform SmartHub oleh StarHub akan memperkukuh kedudukan negara ini sebagai pusat inovasi dan penyelidikan, khususnya dalam bidang analitik.

"Saya yakin bahawa wadah kerjasama yang ditubuhkan hari ini akan membantu menjana maklumat daripada data yang luas dan selanjutnya akan membantu syarikat-syarikat memperbaiki strategi pemasaran mereka dan pembangunan produk," ujar Encik Teo dalam majlis di SMU petang semalam.

Encik Teo memberi contoh bagaimana meluasnya penggunaan teknologi hari ini dengan pengguna mewujudkan dan mengongsi jumlah data yang cukup banyak pada setiap masa.

Untuk setiap minit misalnya, laman carian Google menerima dua juta permintaan carian.

Pengguna laman rangkaian sosial Facebook pula mengongsi sekitar 684,000 bahan kandungan, sementara pengguna laman maklumat Twitter mengirim lebih 100,000 'tweet', dengan sekitar 571 laman baru diwujudkan, manakala pengguna YouTube pula memuatnaikkan 48 jam video baru.

Kesemua ini dilakukan dalam masa seminit.

Encik Teo selanjutnya berkata negara ini mempunyai beberapa faktor baik yang dapat menyokong platform inovasi sedemikian.

"Kita mempunyai penduduk terdidik serta bijak teknologi.

"Kita juga mempunyai peraturan hak milik intelektual yang kukuh yang menggalak inovasi.

"Kita juga terletak di tengah-tengah rantau Asia yang sedang pesat membangun," ujar beliau.

Dengan memanfaatkan kedudukan strategik negara ini, Encik Teo berkata Platform Inovasi akan mempercepat hasil penyelidikan dan pembangunan serta mutu dan jumlah inovasi dalam bidang media digital interaktif (IDM).

"Ia dapat menjadi pemangkin kerjasama antara sektor akademik, perusahaan dan sektor awam untuk menggunakan Singapura sebagai tapak ujian membangunkan aplikasi dan produk IDM," kata beliau.